

# BAB 4

## BAB EMPAT

### AMALAN AUDIT SYARIAH DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

#### 4.1 PENGENALAN

Amalan yang terkutuk di sisi Allah SWT ialah riba sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا

الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَآتَتْهَا فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ

إِلَىٰ اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (٢٧٥)

al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat) sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang yang telah sampai kepadanya larangan daripada tuhanannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan), dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka, mereka kekal dalamnya.

Sabda Rasulullah SAW:

لعن الله اكل الربا وموكله وكاتبه وشاهده

Terjemahan: “Allah melaknat (mengutuk) orang yang makan riba dan mengambil serta memberinya dan penulisannya dan saksinya.”<sup>1</sup>

Perbankan Islam yang tertubuh pada peringkat permulaan dahulu adalah berdasarkan konsep *al-mu‘amalah la ribawiyah* (muamalat tanpa riba) iaitu salah satu konsep yang diperakui Islam.<sup>2</sup> Sebahagian besar dari konsep ini berdasarkan pengecualian mengambil keuntungan melalui amalan riba kepada perkongsian untung rugi yang mana kedua belah pihak (bank dan pelanggan) sama-sama menanggung risiko dalam projek yang dijalankan. Jika wujud keuntungan, maka sama-sama menerima keuntungan mengikut peratusan pembahagian yang dimenterai bersama. Jika sebaliknya, maka sama-sama menanggung beban kerugian.

Sistem Perbankan Islam (SPI) amat memberangsangkan perkembangannya yang berperanan dalam bidang pembangunan ekonomi negara dengan pelbagai proses dan reformasi sejak sedekad yang lalu.<sup>3</sup> Langkah-langkah permulaan ke arah penubuhan institusi kewangan Islam setelah negara mencapai kemerdekaan di sekitar penghujung tahun 1950-an lagi.<sup>4</sup> Bersangkutan pada ketika itu keperluan dan kehendak masyarakat Islam khususnya yang mana telah mula mengenali sistem perbankan konvensional yang diperkenalkan oleh British dan saudagar-saudagar cina. Walau bagaimanapun usaha kerajaan untuk memperkenalkan dan memperkembangkan SPI kurang berjaya disebabkan

---

<sup>1</sup> Ahmad ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi-Syarh al-Imam Abī ‘Abd Allah Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyu‘, Bab Akala al-Ribā Syāhiduhu wa Kātibihi, no. Hadith 1978 (Kaherah: Dār al-Rayyan lil-Turath, 1988), 367.

<sup>2</sup> BIMB Institute of Research and Training, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, 1998), 3.

<sup>3</sup> Fauzi Abdullah, “Sistem Kewangan Islam: Bank Islam”, dalam *Beberapa Aspek Asas Perakaunan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2008), 108.

<sup>4</sup> Stephen Chee dan Khoo Siew Mun (eds), *Malaysian Economic Development and Policies* (Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association, 1975), 25. Sila rujuk di dalamnya Ungku b. Aziz, “Footprints On The Sands of Time: The Malay Poverty Concept Over Fifty Years From Za’ba to Aziz and The Second Malaysia Five Year Plan”.

penyertaan dan penglibatan masyarakat khususnya orang Islam, tidak begitu aktif berbanding dengan masyarakat bukan Islam. Keadaan ini tentunya disebabkan wujud perasaan ragu dan keyakinan mereka yang dipengaruhi oleh sistem perbankan konvensional.<sup>5</sup>

SPI telah menjadi satu realiti baru di arena kewangan antarabangsa sejak awal dekad 1970-an bersama gelombang arus kebangkitan Islam di seluruh dunia.<sup>6</sup> Kemunculan ini mewujudkan kesedaran dan aspirasi kepada masyarakat Islam untuk menghayati agama Islam keseluruhannya dalam kehidupan mereka.<sup>7</sup> Walaupun sebelum ini dalam era tahun 1940-an,<sup>8</sup> idea penubuhan perbankan Islam hanyalah igauan yang tidak disusuli dengan penyelidikan yang terperinci dalam konteks teknikal dan operasi. Namun, pada akhir tahun 1960-an, bermulalah usaha para sarjana Islam untuk membahaskan sistem perbankan Islam secara terperinci dan komprehensif.<sup>9</sup>

Pada 25hb. Jun 1963,<sup>10</sup> sejarah penubuhan bank Islam zaman moden bermula dengan tertubuhnya Mit Gharm Local Saving Bank di bahagian pendalaman lembah Nil, Mesir yang diasaskan dan diusahakan oleh Ahmad al-Najjar<sup>11</sup> dan ianya dianggap sebagai perintis kepada penubuhan bank-bank Islam lain seterusnya. Bank ini menyediakan kemudahan asas perbankan seperti akaun simpanan, pelaburan ekuiti dan perkhidmatan yang lain. Antara matlamat penubuhan bank ini ialah untuk pembangunan sosio-ekonomi dan mendidik umat menggunakan sumber-sumber yang mereka miliki

---

<sup>5</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 253.

<sup>6</sup> Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996), 2. Lihat juga Bank Islam Malaysia Bhd., *Islamic Banking Practice from the Practitioner's Perspective* (Kuala Lumpur: BIMB, 1994), 7.

<sup>7</sup> Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia, *Wang dan Urusan Wang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1994), 355.

<sup>8</sup> Muhammad Nejatullah Sidiqqi, *Muslim Economic Thinking A Survey of Contemporary Literature* (Leicester: The Islamic Foundation, 1981), 30.

<sup>9</sup> *Ibid.*, 32.

<sup>10</sup> R.K. Ready, "The Manicipal Savings Bank Project", *International Development Review*, 1967, vol. 9, no. 2, 2-5.

<sup>11</sup> Ahmad Muhammad al-Najjar, *Harakah al-Bunūk al-Islāmiyyah, Haqā'iq al-Aṣl wa Auhām al-Ṣūrah* (Kaherah: Syarikat Sprint, 1993), 47-48.

tanpa bergantung kepada bank konvensional yang berasaskan riba.<sup>12</sup> Ketika zaman kegemilangannya, bank ini berjaya membuka sembilan cawangan dengan 250,000 pendeposit dengan nilai simpanan sebanyak RM2 juta.<sup>13</sup> Walaupun mendapat sambutan yang hangat daripada penduduk setempat iaitu jumlah penyimpanannya meningkat daripada 17,560 orang yang bernilai £40,944.00 (mata wang Mesir) pada tahun pertama operasinya, kepada 251,152 orang yang bernilai £1,828,375 (mata wang Mesir) pada akhir tahun kewangan 1966/1967.<sup>14</sup> Namun, kewujudan bank ini tidak lama, pada tahun 1967 bank ini telah diarahkan tutup oleh kerajaan Mesir atas sebab-sebab politik<sup>15</sup> dan tidak lagi mendapat sokongan daripada pihak berkuasa Mesir.<sup>16</sup> Rentetan dari inilah ianya telah menjadi asas kepada usaha untuk mewujudkan bank Islam<sup>17</sup> di negara-negara Islam yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Islamic Development Bank di Arab Saudi (1975), Dubai Islamic Bank (1975), Faisal Bank of Sudan (1977), Islamic Banking System International Holdings di Luxembourg (1978)<sup>18</sup> dan sehingga kini terdapat kira-kira 177 institusi kewangan Islam di seluruh dunia yang menguruskan aset bernilai USD90 billion. Terdapat tiga negara yang mengamalkan sistem perbankan Islam secara total iaitu Iran, Sudan dan Pakistan.<sup>19</sup>

Selain ianya beroperasi di negara-negara Islam, perbankan Islam juga berjaya menembusi negara-negara bukan Islam atau negara-negara yang minoriti umat Islam.

---

<sup>12</sup> Shahrukh Rafi Khan, *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking* (Karachi: Oxford University Press, 1987), 53.

<sup>13</sup> Ibrahim Warde, *Islamic Finance in The Global Economy* (TPP: Edinburgh University Press, 2000), 73.

<sup>14</sup> Kamsuzilawati binti Kamin, *Penglibatan Masyarakat Islam dalam Aktiviti Pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) : Suatu Kajian di Banting, Selangor* (disertasi master, Universiti Malaya, 2002), 51.

<sup>15</sup> Shahrukh Rafi Khan, *op. cit.*, 54.

<sup>16</sup> Wilson Rodney, *Banking and Finance in The Arab Middle East* (London: Mac Millan, 1983), 15 ; Ab. Mumin, *op. cit.*, 257.

<sup>17</sup> Zakariya Man, "Islamic Banking: The Malaysian Experience", dalam Mohamed Ariff (ed), *Islamic Banking in Southeast Asia* (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 1988), 70.

<sup>18</sup> Hydzulkifli Hashim, *Pembiayaan Perdagangan Islam dalam Sistem Perbankan : Kajian Perbandingan Antara Bank Muamalat Malaysia Bhd. dan Bank Islam Malaysia Bhd.* (disertasi master, Universiti Malaya, 2004), 52.

<sup>19</sup> Bank Negara Malaysia, *The Central Bank and the Financial System in Malaysia – A Decade of Change* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999), 243.

Hal ini terbukti dengan tertubuhnya Bank Amanah Philipina dalam tahun 1973,<sup>20</sup> Islamic Finance House (atau dulunya dikenali dengan sistem perbankan Islam) di Luxembourg yang ditubuhkan pada tahun 1978<sup>21</sup> dan Bank Islam Antarabangsa di Denmark pada tahun 1983.<sup>22</sup>

Realitinya, pertumbuhan bank-bank Islam di seantero dunia telah membuktikan bahawa sistem perbankan Islam yang diperkenalkan telah mendapat sambutan yang positif dan memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat sama ada di negara Islam mahupun negara minoriti umat Islam.

Namun demikian, bab ini akan menghuraikan lebih fokus tentang sejarah perkembangan serta sorotan aplikasi audit syariah dan mekanisma pengurusan di BIMB agar keseluruhan kandungan disertasi ini dapat difahami secara yang lebih mendalam. Langkah ini juga penting kepada penyelidik untuk menilai aplikasi audit syariah serta memahami hubungkaitnya dalam pengurusan audit syariah bagi membangunkan serta memajukannya di akhir disertasi ini.

## **4.2 KRONOLOGI PENUBUHAN BIMB**

Umat Islam di Malaysia telah menghadapi kelemahan ekonomi sejak beberapa abad dan sebahagian besar mereka terlibat dengan amalan yang haram seperti riba. Sehingga tahun-tahun tujuh puluhan, hampir seluruh umat Islam di Malaysia terlibat dengan amalan riba yang terkutuk itu.<sup>23</sup> Hal ini menunjukkan bahawa hampir kesemua urusan perniagaan dan sistem kewangan mempunyai hubungan dengan bank yang pada

---

<sup>20</sup> Ab. Mumin, *op. cit.*, 259.

<sup>21</sup> Ausaf Ahmad, "The Evolution of Islamic Banking", *Encyclopaedia of Islamic Banking and Insurance* (London: Institute of Islamic Banking and Insurance, 1995), 23.

<sup>22</sup> Erik Trolle-Schultz, "How The First Islamic Bank Was Established in Europe", dalam *Butterworth Editorial Staff, Islamic Banking and Finance* (London: Butterworth & Co. (Publishers) Ltd., 1986), 43-44.

<sup>23</sup> BIMB Institute of Research and Training, *op. cit.*, 2.

ketika itu beroperasi dengan pengamalan riba. Sebagai contoh, jika seseorang yang hendak membeli rumah terpaksa mengambil pinjaman atau berhutang daripada bank atau mana-mana institusi kewangan dengan membayar bunga (riba) di antara 4 peratus sehingga 12 peratus setahun atau lebih.<sup>24</sup> Oleh kerana tiada bank yang mengamalkan konsep syariah pada waktu itu, mahu tidak mahu masyarakat Malaysia terpaksa menjadi pelanggan dengan bank yang mengamalkan riba. Maka dengan ini perlulah diwujudkan sistem perbankan yang berjalan dan beroperasi di atas dasar syariah iaitu bank Islam atau seumpamanya.

Kebangkitan untuk mewujudkan sistem perbankan Islam yang pertama oleh masyarakat Islam di Malaysia telah melonjak dan berkobar-kobar. Natiujahnya pada tahun 1969,<sup>25</sup> maka lahirlah institusi yang diidamkan dan yang pertama dalam sistem kewangan Islam di Malaysia iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) iaitu hasil dari satu kongres Ekonomi Bumiputra pada tahun sebelumnya.<sup>26</sup> Ia bertujuan menggerakkan dan melaburkan dana-dana umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip-prinsip syariah.<sup>27</sup> LUTH juga berperanan sebagai tempat untuk menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan ibadah fardhu haji ke Mekah.<sup>28</sup>

Kongres Ekonomi Bumiputra pada tahun 1980 sekali lagi dibangkitkan di Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan dalam Islam yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memutuskan satu resolusi yang telah meminta kerajaan mengambil langkah segera untuk menubuhkan bank Islam. Maka rentetan daripada itu, pada September 1981, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, 3.

<sup>25</sup> Jaafar Hussein, "The Management of The Malaysian Financial System", *Central Banking in An Era of Change, Landmark Speeches: 1959-1988*. Sunt. Bank Negara Malaysia (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1989), 293.

<sup>26</sup> Ausaf Ahmad, *op. cit.*, 23.

<sup>27</sup> Joni Tamkin Borhan, "Bank Islam Malaysia Berhad: Some Issues, Problems and Its Prospects In The Future", *Jurnal Syariah*, Bil. 2,( July 1999), 7:114-115.

<sup>28</sup> Muhammad Saleh Haji Awang, *Haji di Semenanjung Malaysia : Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H* (Kuala Terengganu : Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 1986), 225.

Pemandu untuk mengkaji kemungkinan penubuhan bank Islam di Malaysia yang terdiri dari 14 orang ahli, yang dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozzaman. Dalam laporan pada 5 Julai 1982, Laporan Jawatankuasa Pemandu tersebut telah mencadangkan supaya sebuah bank Islam ditubuhkan di Malaysia.<sup>29</sup> Maka kerajaan memperakukan laporan tersebut<sup>30</sup> dan natijahnya Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Pelaburan Kerajaan dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada bulan Mac 1983.<sup>31</sup>

Akhirnya bank Islam yang pertama ditubuhkan di negara ini iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan pembukaannya dilakukan oleh Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad<sup>32</sup> yang memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 dengan sebuah cawangan di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Di samping itu juga, BIMB mempunyai anak-anak syarikat yang menjalankan operasi berlandaskan syariah seperti Syarikat al-Ijarah Sdn. Bhd., Syarikat al-Wakalah Nominies Sdn. Bhd., Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd., Syarikat BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd., dan Syarikat Unit Trust Management Bhd.<sup>33</sup>

Permulaan penubuhannya BIMB mempunyai modal dibenar sebanyak RM500 juta yang dibahagikan 500 juta saham biasa yang bernilai RM1.00 sesaham dan modal berbayar sebanyak RM80 juta.<sup>34</sup> Pemegang-pemegang sahamnya terdiri daripada sepertimana Jadual 4.1 berikut:<sup>35</sup>

---

<sup>29</sup> Abdul Halim Ismail, "Bank Islam Malaysia Berhad: Structure and Functions", *Seminar on Current Trends and Development of the Banking Industry in Malaysia* (Kuala Lumpur: 6-7 Jun 1983), Kertas 4.

<sup>30</sup> Zakariya Man (1988), *op. cit.*, 71.

<sup>31</sup> Ab. Mumin, *op. cit.*, 329.

<sup>32</sup> Kamsuzilawati, *op. cit.*, 60.

<sup>33</sup> Hydzulkifli, *op. cit.*, 53.

<sup>34</sup> Abdul Halim Ismail, "Bank Islam Malaysia Berhad: Principles and Operations", dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod et. al., (eds), *An Introduction to Islamic Finance* (Kuala Lumpur: Quill Publishers, 1992), 246.

<sup>35</sup> Ab. Mumin, *op. cit.*



Jadual 4.1: Senarai Pemegang Saham BIMB

Pemegang Saham	RM Juta
i. Kerajaan Malaysia	30
ii. LUTH	10
iii. PERKIM	5
iv. Majlis-majlis Agama Negeri	20
v. Agensi-agensi Agama Negeri	3
vi. Agensi-agensi Peringkat Persekutuan	12
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>

Sumber: Ab Mumin, Kuala Lumpur, 1999.

Dalam tahun 1990/91, selaras dengan perkembangan asetnya dan bagi tujuan pengembangan pada masa hadapan, modal berbayar bank telah ditingkatkan dan disusun semula menjadikannya berjumlah RM133.4 juta.<sup>36</sup> Ekoran daripada terbitan awam, pada 17 Januari 1992, saham-saham BIMB telah disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).<sup>37</sup>

Pada 22 Ogos 1997 pula, Skim Penyusunan Semula telah dilakukan oleh BIMB yang membawa perubahan besar dalam pengurusan dan pentadbiran syarikat. Proses penyusunan semula ini melibatkan penjualan anak-anak syarikat BIMB kepada BIMB Holding Berhad, Perbadanan BIMB Holding Berhad dan pertukaran saham BIMB kepada BIMB Holding Berhad menjadikan BIMB anak syarikat milik penuh BIMB Holding Berhad. Akibat daripada pertukaran tersebut, pada September 1997, kaunter BIMB di Papan Utama BSKL ditukarkan kepada BIMB Holding Berhad.<sup>38</sup>

Sejajar dengan objektifnya, semua aktiviti BIMB dijalankan berlandaskan lunas-lunas syariah. Matlamat utamanya ialah berusaha sedaya upaya menjalankan operasinya sebagai entiti bank perdagangan menurut hukum-hakam syarak, untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perbankan kepada semua lapisan masyarakat

<sup>36</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, *op. cit.*, 155.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 155-156.

<sup>38</sup> Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan 1997* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1997)

di negara ini, dengan mencapai keteguhan dan keupayaan berkembang maju pada masa-masa hadapan.<sup>39</sup>

### 4.3 MATLAMAT PENUBUHAN BIMB

Penubuhan BIMB bertujuan untuk memenuhi permintaan dan keperluan umat Islam khususnya di Malaysia dengan berasaskan hukum-hakam syariah. Dan ia bertepatan pada masa yang sama menjadi suatu bentuk alternatif selain bank-bank konvensional bagi kredit dan pelaburan yang berasaskan prinsip penyertaan dan keadilan serta keadilan serta bukan berasaskan keuntungan melalui kadar bunga.<sup>40</sup>

Matlamat utama penubuhan BIMB adalah untuk berusaha sedaya upaya menjalankan operasinya sebagai sebuah bank perdagangan berlandaskan hukum-hukum syara' dan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan bank kepada semua umat Islam dan rakyat Malaysia dengan mencapai keteguhan dan keupayaan berkembang maju dari masa ke semasa.<sup>41</sup> Ianya untuk memenuhi permintaan umat Islam di Malaysia yang masih belum mempunyai sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan perbankan secara Islamik yang bersih daripada operasi yang berasaskan riba yang jelas diharamkan oleh syara'.<sup>42</sup>

Maka untuk merealisasikan matlamat tersebut, BIMB perlu memberikan aspek-aspek keutamaan tertentu untuk mencapainya sepertimana berikut:<sup>43</sup>

- i. Mengutamakan pelaksanaan urusan muamalat bank dan sistem kewangan tanpa riba dalam seluruh operasinya.

---

<sup>39</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi* (K. Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, 1982), 8.

<sup>40</sup> Cheah Kooi Guan dan Loke Ying Jia, *Sistem Perbankan dan Kewangan Malaysia* (Petaling Jaya: Addison Wesley, Longman, 2000), 135.

<sup>41</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, *op. cit.*, 8.

<sup>42</sup> Othman Yong, *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia: Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 301.

<sup>43</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, *op. cit.*

- ii. Mengutamakan praktikaliti perkongsian untung rugi yang lebih menjamin keadilan sosial dalam pengagihan untung rugi kepada penyimpan, peminjam dan pemilik saham bank.
- iii. Mengutamakan daya usaha yang berterusan supaya institusi boleh berdiri kukuh dan berdaya saing serta maju dalam setiap operasi yang dijalankan.
- iv. Mengunapakai asas-asas hukum Islam dan peraturan-peraturannya serta sinergi yang berketrampilan, untuk melaksanakan urusan sistem perbankan dan kewangan Islam yang mampu bersaing dengan sistem yang sedia ada (konvensional).

Perjalanan operasi BIMB yang bertepatan dengan prinsip syariah tersebut selari dengan tiga prinsip asas yang digariskan oleh Jawatankuasa Pemandu dalam laporannya kepada Y.A.B. Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad sepertimana berikut:<sup>44</sup>

- i. Pengharaman riba dan prinsip perkongsian untung rugi. Iaitu prinsip perkongsian untung rugi adalah asas kepada semua aktiviti ekonomi yang melibatkan wang, kekayaan dan buruh dalam Islam. Konsep ini sepatutnya yang menggantikan bunga (riba) sebagai mekanisme penting dalam sistem sedia ada.
- ii. Pengurusan bank Islam adalah berasaskan muamalah Islam dan mesti memastikan aktiviti-aktivitinya tidak bercanggah dengan Islam.
- iii. Mengelakkan aktiviti-aktiviti yang bersalahan dengan kepentingan umat Islam (*maqāṣid al-syarī'ah*).

Tujuan SPI dilihat seiring dengan objektif utama sistem kewangan Islam (SKI) dari aspek untuk merangka dan mengimplementasikan sistem ekonomi dalam urusan yang relevan dengan operasi kewangan di samping menyokong secara total keadilan dan kesaksamaan dalam sistem ekonomi. Elemen-elemen asas dari segi instrumen, institusi dan pasaran dalam pelaksanaan SKI dibuat beransur-ansur dan berperingkat-

---

<sup>44</sup> Zakariya Man, *op. cit.*, 71.

peringkat demi mengelakkan daripada membuat sebarang kesilapan dan boleh menyebabkan terpaksa berpatah balik ke belakang.<sup>45</sup>

SPI ini dapat memenuhi keperluan umat Islam kepada satu sistem yang benar-benar selaras dengan lunas-lunas syariah, sebagai satu sistem kewangan yang komprehensif serta mampu bersaing dengan sistem konvensional yang telah sebat berdekad-dekad lamanya. Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan sistem kewangan Islam berfungsi selaras dengan prinsip-prinsip Syariah yang telah digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah dari sudut matlamat dan operasinya.<sup>46</sup>

#### **4.4 AKTIVITI UTAMA URUSNIAGA BIMB**

Keberadaan BIMB sebagai bank perintis dalam radar sistem perbankan Islam di Malaysia telah dapat merealisasikan modus operandi syariah dalam urusan yang ditawarkan di BIMB. Dari tahun 1983 sehingga tahun 1992 sahaja merupakan tempoh percubaan yang diberikan kepada BIMB agar berkembang dengan komprehensif tanpa persaingan dari mana-mana bank perdagangan yang lain.<sup>47</sup> Hakikatnya BIMB mempunyai rangkaian operasi urusan yang tersendiri sepertimana berikut:<sup>48</sup>

##### **4.4.1 Sumber Dana (*Deposit*)**

Operasi yang dijalankan oleh BIMB untuk memperolehi sumber-sumbernya mestilah yang halal di sisi syara'. Sumber-sumber ini boleh didapati daripada perseorangan, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat dan

---

<sup>45</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, "Struktur Sistem Kewangan Islam di Malaysia", *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (K. Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 3.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 1.

<sup>47</sup> Hydzulkifli Hashim, *op. cit.*, 54.

<sup>48</sup> Ab. Mumin (1999), *op. cit.*, 331.

lain-lain lagi. Elemen-elemen sumber yang dimiliki oleh BIMB terbahagi kepada beberapa bentuk sepertimana berikut:

#### 4.4.1.1 Ekuiti Pemilik Saham

Pengumpulan ekuiti atau modal berbayar bank di peringkat permulaan pada tahun 1983 adalah melalui pembiayaan ekuiti secara Islam menerusi kontrak *al-Musyarakah* di kalangan pemilik-pemilik awal sahamnya. Hanya satu jenis saham sahaja dikeluarkan iaitu biasa yang tidak disebut harga di BSKL. Kemudiannya ekoran daripada langkah pengembangan ekuiti, BIMB telah menyenaraikan saham biasanya di Papan Utama BSKL pada 17 Januari 1992.

#### 4.4.1.2 Akaun Semasa

Deposit pelanggan dalam bentuk akaun semasa yang diterima oleh BIMB bukanlah berdasarkan pembiayaan ekuiti ataupun pembiayaan hutang, akan tetapi ianya berasaskan kombinasi dua kategori kontrak perniagaan Islam iaitu *al-Wadi'ah* dan *al-Damānah*.<sup>49</sup> Oleh itu, operasi akaun semasa adalah mengikut prinsip *al-Wadi'ah Yad al-Damānah* atau simpanan yang terjamin (*Guaranteed Custody*). Bank meminta keizinan daripada penyimpan untuk menggunakan wang simpanan mereka selama mana wang tersebut tersimpan dengannya. Segala manfaat dan keuntungan daripada penggunaan baki simpanan tersebut adalah menjadi hak mutlak bank.

Bayaran perkhidmatan boleh juga dikenakan dalam jumlah yang sederhana kepada para penyimpan bagi menampung kos yang terlibat dalam menguruskan wang simpanan tersebut. Penyimpan pula berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan mereka pada bila-bila masa yang

---

<sup>49</sup> *Wadi'ah* merupakan perjanjian di antara bank dan penyimpan untuk bank menjaga simpanannya. Manakala *Damānah* merupakan simpanan dengan jaminan kerana pihak bank meminta izin untuk menggunakan simpanan atau terus menggunakannya tanpa izin. Bank bertanggungjawab terhadap kehilangan simpanan dan semua manfaat atau keuntungan dari penggunaan simpanan tersebut adalah milik penyimpan.

dikehendaki dan bank memberi jaminan akan mengembalikan baki tersebut. Buku cek akan disediakan kepada pelanggan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain berhubung dengan akaun semasa ini.

#### 4.4.1.3 Akaun Simpanan

Deposit akaun simpanan yang diterima oleh BIMB daripada pelanggan mengikut kontrak dan kaedah yang sama dengan akaun semasa. Cuma yang membezakannya ialah pihak bank mempunyai budi bicara sendiri untuk memberikan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan baki akaun simpanan itu kepada penyimpan berkenaan dari masa ke semasa. Buku simpanan juga akan disediakan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersangkutan dengan akaun simpanan kepada para penyimpan.

#### 4.4.1.4 Akaun Pelaburan

Akaun ini dilaksanakan mengikut kontrak *Muḍārabah*. Pelanggan menyimpan wang selama tempoh yang ditetapkan untuk mendapatkan pembahagian keuntungan melalui pelaburan oleh bank. Pelaburan bank meliputi tiga jangka masa, jangka masa pendek iaitu kurang dari setahun, jangka masa sederhana iaitu di antara satu hingga tiga tahun dan jangka masa panjang yang melebihi tiga tahun. Bank diberi amanah dan kepercayaan untuk menggunakan simpanan pelanggan dalam projek-projek yang dibiayainya. Di dalam perkara ini, bank merupakan pengusaha yang mengusahakan suatu projek dan pelanggan sebagai pemilik modal. Keuntungan akan dibayar ke atas baki simpanan pelaburan berdasarkan pembahagian untung rugi yang dibuat mengikut perjanjian dan persetujuan. Akaun ini terbahagi kepada dua jenis seperti berikut:

i. Akaun Pelaburan Am

Merupakan akaun pembiayaan ekuiti yang berasaskan prinsip *mudārabah*. Penyimpan boleh melaburkan wangnya selama tempoh yang ditetapkan untuk tujuan memperolehi bahagian-bahagian dalam keuntungan daripada pelaburan yang dilakukan oleh bank. Sungguhpun demikian, dalam sesetengah hal, bank akan membuat pelaburan yang ditentukan sebagai pengusaha, sementara penyimpan menjadi pemilik modal. Para pendeposit akan berkongsi keuntungan dengan bank berdasarkan kadar perkongsian yang ditetapkan. Akaun ini banyak melibatkan persatuan, syarikat, institusi kerajaan dan sebagainya. Pada masa ini BIMB mengambil 30:70 iaitu 30 peratus bank dan 70 peratus pelanggan dari keuntungan. Namun kadar ini boleh berubah mengikut keperluan dan persetujuan bersama. Tempoh-tempoh tertentu akaun ini ialah 1, 3, 6, 9, 12, 15, 18, 24, 36, 48, 60 bulan dan lebih.<sup>50</sup> Pelanggan tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan pelaburan dan pengurusan modal bank. Jika pelaburan pelanggan menanggung kerugian, pelanggan akan menanggung semua kerugian.<sup>51</sup>

ii. Akaun Pelaburan Khas

Tambahan kepada perkhidmatan deposit yang diterima daripada pelanggan biasa di akaun pelaburan am, pihak BIMB juga menerima deposit secara terpilih (*selective*) daripada agensi kerajaan atau badan-badan korporat dalam bentuk akaun ini. Ianya juga beroperasi mengikut prinsip *al-Mudārabah*. Tujuan, tempoh, syarat-syarat, cara-cara pelaburan dan kadar pembahagian untung biasanya ditentukan melalui

---

<sup>50</sup> Kamsuzilawati, *op. cit.*, 67.

<sup>51</sup> Bank Negara Malaysia, *Buletin Perangkaan Bulanan* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, Ogos 2001), 147.

rundingan antara kedua-dua pihak. Realitinya bentuk sebenarnya merupakan operasi pasaran wang yang diurus selia oleh Jabatan Pembendaharaan BIMB.<sup>52</sup>

Kronologinya akaun ini mula dibuka pada Januari 1984, yang menggunakan wang pelanggan yang disimpan tertakluk kepada tempoh matang yang tidak tetap. Simpanan ini dilaburkan mengikut kehendak pelanggan kepada aktiviti yang lebih umum dan biasanya diberikan kepada organisasi tertentu. Kebiasaannya bank akan melaburkan wang pelanggan di dalam Sijil Pelaburan Kerajaan dan perdagangan komoditi. Oleh itu, keuntungan dan kerugian akan diagihkan kepada simpanan bergantung kepada projek yang dibiayai oleh simpanan berkenaan.<sup>53</sup>

#### 4.4.2 Penggunaan Dana (*Financing*)

BIMB sebagai sebuah bank perdagangan Islam yang terulung baik di Malaysia mahupun di arena global, telah menawarkan pelbagai produk perkhidmatan pembiayaan. Produk-produk ini diperkemaskan dari masa ke semasa agar ia seiring dengan arus perdana. Dana-dana yang terkumpul daripada sumber-sumber sebelum ini, akan digunapakai dan disalurkan kepada pelbagai jenis penggunaan kepada pelanggan di samping memenuhi keperluan wajib pihak BNM. Bentuk-bentuk penggunaan dana diperjelaskan sepertimana berikut:

##### 4.4.2.1 Rizab Berkanun

Keperluan Rizab Berkanun ialah instrumen yang digunapakai oleh BNM untuk mengawal jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan. Maka BIMB dikehendaki mengekalkan jumlah rizab tersebut dengan BNM. Ia merupakan

---

<sup>52</sup> BIMB (1994), *op. cit.*, 33.

<sup>53</sup> BNM, Annual Report 1983.



satu kemestian disebabkan bersabit dengan deposit pelanggan dan bukannya dengan dana-dana pemilik modal. BNM akan menentukan kadar nisbah rizab berbanding dengan deposit yang mesti dikekalkan dengan BNM dari masa ke semasa. Kontrak yang digunapakai dalam memenuhi keperluan ini adalah kontrak *al-Wadi'ah Yad al-Damānah*. Justeru, BNM tidak membayar apa-apa keuntungan daripada simpanan rizab tersebut.

#### 4.4.2.2 Keperluan Mudah Tunai

BIMB juga dikehendaki mematuhi keperluan Mudah Tunai bagi semua jenis depositnya. BNM akan menentukan nisbah Mudah Tunai<sup>54</sup> dan bentuk aset Mudah Tunai dari masa ke semasa. Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Government Investment Certificates*) atau nama barunya Terbitan Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Issues*) merupakan aset yang teramat penting bagi BIMB memegangnya. Maka BIMB perlu memastikan bahawa nisbah Mudah Tunai yang pertama sebanyak 8.5 peratus daripada jumlah tanggungan yang layak, tidak termasuk tanggungan akaun pelaburan. Tanggungan yang layak adalah terdiri daripada semua deposit, pinjaman bersih daripada institusi kewangan yang lain seperti bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, dan juga perjanjian pembelian semula bersih.<sup>55</sup>

#### 4.4.2.3 Pembiayaan

Pembiayaan di BIMB meliputi bidang-bidang seperti membiayai pelanggan yang mahu mendapatkan harta tetap sama ada yang boleh dipindahkan atau tidak seperti tanah atau kilang; membiayai keperluan modal pusingan pelanggan seperti untuk mendapatkan bahan mentah atau alat ganti

---

<sup>54</sup> BIMB (1994), *op. cit.*, 33.

<sup>55</sup> Lihat nota kaki Ab. Mumin (1999), *op. cit.*, 360 ; BNM (1994), *op. cit.*, 328.

dan; membiayai atau melabur bersama di dalam sesuatu projek atau sebahagian daripada projek tersebut. Perkhidmatan ini biasanya mempunyai tempoh tertentu seperti jangka masa pendek dengan kurang dari setahun, jangka masa sederhana di antara satu hingga tiga tahun dan jangka masa panjang yang melebihi tiga tahun. Antara produk-produk pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB adalah seperti berikut:

i. Pembiayaan Berkonsep *al-Mudārabah*

Prinsip ini memerlukan bank untuk menyediakan modal pembiayaan kepada projek-projek yang boleh diterima, dengan tidak melibatkan diri dalam pengurusan projek tersebut. Walau bagaimanapun, bank berhak untuk menyelia dan membuat tindakan susulan bagi memastikan dana tersebut digunakan mengikut perjanjian mudarabah. Ianya bertujuan supaya pengusaha terus bertanggungjawab kepada dana-dana yang dibiayai oleh bank. Maka keuntungan daripada projek tersebut akan dibahagikan kepada bank dan pengusaha mengikut kadar nisbah yang dipersetujui bersama dan jika berlaku kerugian, maka pihak bank sahaja yang akan menanggungnya.

ii. Pembiayaan Berkonsep *al-Musyārahah*

Mengikut prinsip ini, bank bersama-sama dengan pengusaha untuk sesuatu projek, akan menyediakan pembiayaan projek tersebut mengikut nisbah kadar yang dipersetujui bersama serta kedua-dua mempunyai hak untuk ikut sama dalam pengurusan projek berkenaan. Sebarang untung rugi daripada projek tersebut akan dikongsi bersama mengikut kadar yang dipersetujui bersama. Disingkapkan, bank menyertai dalam ekuiti

syarikat-syarikat korporat yang tersenarai atau tidak, sama ada penyertaan secara langsung melalui usahasama dengan pelanggan ataupun secara tidak langsung melalui pembelian saham-saham yang disenaraikan.

iii. Pembiayaan Berkonsep *al-Bay' bi-Thaman 'Ajil*

Ia dilakukan oleh bank terhadap pelanggan yang ingin memperolehi sesuatu aset dengan pembayaran bertangguh dengan ansuran selama tempoh tertentu. Ciri utama ialah bank akan membeli sesuatu aset yang dikehendaki oleh pelanggan dan kemudiannya menjual aset berkenaan kepada pelanggan pada suatu harga yang dipersetujui. Harga ini mengandungi kos sebenar aset itu dicampur dengan margin keuntungan pihak bank. Pada ketika tertentu bank memberikan pembiayaan dalam jumlah yang lebih besar kepada syarikat-syarikat korporat yang dilakukan sama ada secara sendirian mahupun secara bersindiket.

iv. Pembiayaan Berkonsep *al-Ijarah*

Membiayai sesuatu projek yang melibatkan perolehan aset seperti pembiayaan untuk tujuan pembinaan rumah, bangunan kilang dan peralatan atau mesin. Pelanggan memerlukan modal daripada bank dan bank boleh mengaplikasikan konsep ini. Lazimnya, ia dilakukan supaya bank dapat membina bangunan yang dikehendaki oleh pelanggan dan kemudian menyewakannya kepada pelanggan.<sup>56</sup>

*Manakala al-Ijarah Thumma al-Bay'* bermaksud kontrak sewa kemudian beli. Ia merupakan lanjutan atau tambahan kepada kontrak *al-*

---

<sup>56</sup> Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2009), 212.

*Ijarah*. Kontrak ini bermula dengan kontrak *al-Ijarah* dengan tujuan sewaan oleh bank kepada pelanggan sebagai penyewa dan berakhir dengan pembelian aset oleh pelanggan. Hal ini bermakna pada tempoh matang sewaan, penyewa akan membeli aset tersebut daripada bank dan menjadi pemilik aset. Aset tersebut akhirnya akan berpindah milik daripada bank kepada pelanggan.<sup>57</sup>

Harga sewaan akan ditetapkan oleh bank dengan mengambil kira keuntungan daripada pembelian dan penjualan aset tersebut. Jumlah sewa yang telah dibayar oleh pelanggan akan dikira sebagai harga belian aset pada akhir tempoh sewaan.<sup>58</sup>

v. Pengsekuritian dan Perdagangan Hutang

Kontrak *al-Bay' bi-Thaman 'Ajil* dan *al-Ijarah* merupakan alat bagi pembiayaan hutang memandangkan kedua-duanya melibatkan hutang (*al-Dayn*). Hutang ini boleh diniagakan dalam pasaran melalui pengsekuritian. Ianya pernah dilakukan oleh bank terhadap sesetengah aset hutangnya sama ada dalam bentuk Bil Pertukaran (*Bill of Exchange*) atau nota janji (*Note Promissory*).

#### 4.4.3 Perkhidmatan-perkhidmatan Lain Urusniaga

Perkhidmatan yang diberikan oleh bank kepada pelanggan berasaskan matlamat perkhidmatan tersebut secara umum iaitu untuk memberi kemudahan kepada pelanggan. Oleh kerana perkhidmatan yang diberikan tidaklah bertujuan untuk mendapat atau menjana keuntungan, maka bank akan mengaplikasikan beberapa kontrak syariah yang relevan.

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, 213.

<sup>58</sup> *Ibid.*

Berpandukan kepada keperluan pelanggan untuk mendapat kemudahan dalam urusan kewangan, maka bank memberi dan menyediakan beberapa jenis perkhidmatan seperti kad kredit, kad debit, kad bayar, bank draf dan pertukaran wang asing. Kontrak syariah yang diaplikasikan dalam perkhidmatan mengikut kesesuaian di antara jenis kontrak di antaranya ialah *bay' al-Inah*, *al-Ujr*, *al-Qard* dan *al-Sarf*. Ia demi memenuhi keperluan serta kehendak pelanggan dalam menjadikan BIMB sebagai bank yang setanding dengan bank perdagangan yang lain agar berdaya maju serta global seantero dunia.

#### **4.5 PELAKSANAAN AMALAN AUDIT SYARIAH DI BIMB**

Dalam memperkatakan mengenai pelaksanaan amalan audit syariah di BIMB, penyelidik akan menjelaskan elemen-elemen penting yang berkaitan dengan pelaksanaan audit syariah di BIMB yang merangkumi modus operandi dan juga menerangkan pengamalan audit syariah yang dipraktikkan oleh pihak BIMB. Pengurusan audit syariah sering dikaitkan dengan amanah. Justeru, ia hendaklah dilaksanakan dan diurustadbir berdasarkan kemaslahatan yang dituntut oleh syarak.

##### **4.5.1 Governan Unit Audit Syariah BIMB**

Pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah merupakan ciri penting dalam perbankan dan kewangan Islam. Rangka kerja syariah yang berkesan dan kondusif penting dalam memastikan pematuhan tersebut. Ia akan menyokong secara total pembangunan menyeluruh dalam sektor ini.

Bagi mencapai objektif tersebut, BNM telah meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 untuk meningkatkan peranan dan fungsi

Majlis Penasihat Syariah (MPS) untuk Perbankan Islam dan Takaful.<sup>59</sup> Pindaan ini telah dinyatakan MPS sebagai pihak berkuasa tunggal dalam syariah kewangan Islam. Untuk keberkesanan peranannya, MPS mesti beroperasi sebagai sebuah badan bebas. MPS bebas dengan tahap integriti yang tinggi, meningkatkan keyakinan awam dan dengan itu akan meningkatkan industri ke tahap yang lebih membanggakan.

Bank Negara Malaysia telah menyarankan agar semua institusi kewangan Islam menubuhkan unit pengawasan selain dari Jawatankuasa Syariah bagi menjalankan satu fungsi bebas dengan memeriksa dan menilai aktiviti institusi kewangan Islam berkenaan.<sup>60</sup> Dasar BNM ini digariskan dalam Garis Panduan Mengenai Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam tahun 2005.<sup>61</sup> Maka dari inisiatif inilah, Unit Audit Syariah (UAS) BIMB yang ditubuhkan pada Ogos 2005 adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada kerja-kerja pengauditan yang melibatkan isu pematuhan syariah. Unit ini juga berada di bawah seliaan Jabatan Audit Dalaman (JAD) BIMB. Rangka kerja urus tadbir syariah di BIMB dapat diperjelaskan lagi melalui Rajah 4.1 berikut:


---

<sup>59</sup> BNM, *Guidelines on the Governance of Shariah Committee for the Islamic Financial Institutions (GPS-1)* (Kuala Lumpur: BNM, 2005), 1.

<sup>60</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 3.

Rajah 4.1: Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah BIMB




Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

Fungsi unit ini adalah untuk membantu pihak pengurusan dalam perancangan operasi dan kawalan dengan membuat penilaian, analisa, cadangan dan memberi pandangan yang bebas melalui laporan audit yang berkaitan dengan perspektif syariah. Hal ini dilakukan dengan membuat penilaian ke atas risiko yang dihadapi, menilai dan memperbaiki kawalan dalaman, mengesyorkan penambahbaikan dan keberkesanan sesuatu fungsi dan menentukan arahan dan peraturan BIMB serta BNM yang diterimapakai dipatuhi.<sup>62</sup>

<sup>62</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

Gambaran struktur proses pelaporan urus tadbir syariah di BIMB dapat dilihat lebih jelas dalam Rajah 4.2 dan Rajah 4.3 sepertimana berikut:


Rajah 4.2: Struktur Pelaporan Urus Tadbir Syariah BIMB



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.



Rajah 4.3: Hierarki Pelaporan Audit Syariah BIMB



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

Selepas penubuhannya, peranan UAS BIMB telah mengalami beberapa transformasi mengikut perkembangan kewangan Islam dan peredaran zaman seperti berikut.<sup>63</sup>

- Mulai tahun 2005, UAS mula berperanan membantu fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman dan Ketua JAD sebagai Ketua Juruaudit Dalaman (berdasarkan terma dan rujukan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah BIMB) yang bertanggungjawab melaporkan penemuan audit secara fungsional kepada Pengarah Urusan dan secara pentadbiran kepada Lembaga Pengarah BIMB. Bagi meningkatkan amalan tadbir urus yang baik di institusi kewangan Islam, “Garis Panduan Mengenai Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam April tahun 2005 (GPS-1)”<sup>64</sup> telah dikeluarkan oleh BNM yang menggariskan berkenaan pelantikan dan pengurusan MPS. Selaras dengan garis

<sup>63</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

<sup>64</sup> *Ibid.*

panduan ini, maka Mesyuarat Lembaga Pengarah BIMB pada Ogos 2005 telah bersetuju menubuhkan UAS.

- Mulai September tahun 2007, tahap profesionalisma fungsi UAS telah dipertingkatkan lagi, BNM telah mengeluarkan satu garis panduan baru iaitu “Garis Panduan Tadbir Urus Korporat untuk Institusi Kewangan Islam Berlesen (GP1-i)”.<sup>65</sup> Oleh itu, menjadi keperluan untuk menubuhkan satu bahagian Audit Syariah yang berkesan di Jabatan Audit Dalaman. Seiring dengan itu, struktur perjawatan UAS juga mula dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- Mulai Julai tahun 2010, tahap profesionalisma fungsi UAS telah diperkasakan lagi, BNM telah mengeluarkan satu garis panduan iaitu “Garis Panduan Fungsi Audit Dalaman Institusi Kewangan Berlesen (GP10)”.<sup>66</sup> Oleh itu, menjadi keperluan untuk memperjelaskan lagi garis panduan kepada fungsi Audit Dalaman. Seiring dengan itu, menyaksikan perubahan fokus pengauditan daripada pengauditan pematuhan kepada pengauditan prestasi/pengurusan.
- Mulai Januari tahun 2011, peranan UAS telah diperkasakan lagi oleh BNM melalui pindaan “Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGF)”<sup>67</sup> yang diwartakan dengan meletakkan UAS sebagai entiti penting dalam membantu mempertingkatkan tadbir urus institusi. Fungsi Juruaudit Syariah telah diangkat sebagai organ utama UAS dalam usaha memastikan kebebasan UAS terpelihara dan membantu peranan pengawasan Lembaga

---

<sup>65</sup> BNM, *Guidelines on Corporate Governance for Licensed Islamic Banks (GP1-i)* (Kuala Lumpur: BNM, 2007).

<sup>66</sup> BNM, *Guidelines on Internal Audit Function of Licensed Financial Institutions (GP10)* (Kuala Lumpur: BNM, 2010).

<sup>67</sup> BNM, *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGF)* (Kuala Lumpur: BNM, 2011).

Pengarah melalui JAD. Selain itu, UAS juga mula mengambil pendekatan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko dan menyokong pengwujudan polisi dan kerangka pengurusan risiko BIMB.

- Terkini pada Mac 2013, telah diwartakan oleh Undang-undang Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (Akta 759),<sup>68</sup> yang menjelaskan ianya adalah suatu aktiviti bebas yang berobjektifkan pemberi jaminan dan juga perundingan untuk menambah nilai dan menambahbaik operasi organisasi. Ianya juga membantu organisasi mencapai objektif dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menambahbaik keberkesanan proses tadbir urus, kawalan dan pengurusan risiko.

UAS bertanggungjawab memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada Lembaga Pengarah mengenai sistem kawalan dalaman pematuhan syariah dan proses tadbir urus di BIMB. Kepastian yang diberi oleh Ketua Audit Dalaman adalah melalui pendapat profesional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus yang disokong oleh UAS.

#### 4.5.2 Peranan dan Tanggungjawab Unit Audit Syariah

UAS bukan merupakan entiti tambahan atau pengganti kepada pihak pengurusan. Tanggungjawab ke atas kawalan dalaman khususnya elemen pematuhan, untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian dengan pematuhan syariah, mencukupi dan diwujudkan tanpa mengambil kira sebarang aktiviti di dalam operasi BIMB.

---

<sup>68</sup> Undang-Undang Malaysia, *Islamic Financial Services Act 2013*, Akta 759.

Peranan dan Tanggungjawab UAS adalah meluas dan tidak tertakluk kepada aktiviti auditan sahaja. Walau bagaimanapun, yang paling utama UAS adalah terbahagi kepada lima iaitu.<sup>69</sup>

- i. Mengenalpasti keberkesanan struktur urus tadbir dan proses pengamalan syariah di BIMB.
- ii. Menentukan keberkesanan dan kecekapan sistem kawalan dalaman, proses pengurusan risiko syariah dan kesedaran pematuhan syariah.
- iii. Memastikan aktiviti bank dan operasi dipatuhi mengikut keperluan syariah.
- iv. Mengkaji ketepatan masa dan keberkesanan laporan ketidakpatuhan syariah.
- v. Untuk memberi jaminan yang munasabah untuk lembaga pengarah, jawatankuasa syariah dan pengurusan kanan.

Secara totalnya, UAS membantu pihak pengurusan melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan, dengan cara mengemukakan Laporan Hasil Kajian dan Pemeriksaan yang mengandungi analisa operasi yang tepat, jujur dan bebas.

#### 4.5.3 Metodologi Audit Syariah BIMB

Metodologi boleh ditakrifkan sebagai suatu rujukan aktiviti yang sistematik bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan membangunkan satu aplikasi pengauditan. Sebuah metodologi akan menggunakan satu set teknik yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang spesifik. Terdapat beberapa jenis metodologi pembangunan yang boleh digunakan dalam membangunkan sesebuah aplikasi sistem. Setiap pendekatan yang dipilih haruslah bersesuaian dengan unit yang akan dibangunkan.

---

<sup>69</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

Metodologi yang dipilih untuk melaksanakan audit syariah di BIMB ialah Metodologi Audit Syariah Berasaskan Risiko (*Risk Based Shariah Audit Methodology*). Terdapat tiga elemen penting yang diberi penumpuan dalam mengaplikasikan sistem ini iaitu:<sup>70</sup>

- i. Pendedahan kritikal risiko syariah.
- ii. Kualiti, kawalan kecukupan dan risiko *mitigant* yang tersedia. Maka keseluruhan hasilnya;
- iii. Pengurusan risiko syariah dalam mengurangkan potensi kerugian.

Risiko syariah bermaksud risiko ketidakpatuhan syariah yang berkemungkinan gagal untuk pematuhan prinsip-prinsip syariah, keperluan atau dalam erti kata lain insiden kemungkinan tidak mematuhi kehendak syariah. Risiko akan terhasil jika konsep pematuhan tidak diambil perhatian.

Manakala aspek prinsip-prinsip syariah dan juga keperluan diperjelaskan lagi dengan memberi penumpuan kepada peraturan syariah dan juga keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC), Jawatankuasa Syariah BIMB dan seperti yang ditetapkan oleh badan-badan lain yang berkaitan dan bersuaian. Sehubungan dengan itu, BIMB telah mengutamakan sumber rujukan berikut dalam pengoperasian UASnya iaitu:<sup>71</sup>

- Ketetapan dan keputusan Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- Garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan SC, contohnya Parameter Syariah;
- Selain yang berkaitan dan berkenaan yang dikeluarkan oleh BNM;

---

<sup>70</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

<sup>71</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

- Ketetapan dan keputusan Jawatankuasa Syariah Bank (JKS) dan Jawatankuasa Kajian Syariah (SRC); dan
- Manual produk yang diluluskan / standard prosedur operasi / garis panduan dalaman yang berkaitan dengan Pematuhan Syariah.

#### 4.5.4 Proses Audit Syariah BIMB

Penglibatan dan sokongan berterusan daripada semua staf di semua peringkat dalam BIMB kepada audit syariah adalah amat penting. Hal ini adalah kerana pengauditan yang berkesan dan memberi impak yang besar akan melibatkan perancangan yang baik oleh juruaudit dan juga mereka yang diaudit memahami mengapa dan apa yang audit syariah lakukan untuk membantu membina persekitaran pekerjaan dan pengurusan di BIMB yang baik.

Proses pengauditan kebiasaannya merangkumi beberapa peringkat iaitu; Perancangan, Kerja Lapangan, Laporan Audit dan Audit Susulan. Penglibatan audit syariah adalah penting bagi setiap proses pengauditan yang akan dijalankan. Kebanyakan proses pengauditan adalah hampir sama, walaupun begitu setiap pengauditan adalah berbeza, dan kebiasaannya melibatkan peringkat seperti mana berikut:<sup>72</sup>

##### 4.5.4.1 Perancangan

Perancangan akan mengambil kira skop dan objektif pemeriksaan yang akan dilakukan serta menilai kawalan dalaman yang sedia ada di Jabatan atau Bahagian di BIMB. Ia melibatkan dua peringkat utama iaitu penyediaan rancangan audit tahunan dan perancangan tugas audit seperti mana berikut:

---

<sup>72</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

i. Rancangan Audit Tahunan

- Akan dilakukan pada suku terakhir tahun kewangan berakhir.
- Mengenalpasti dan memahami *audit universe*<sup>73</sup> dan seterusnya menjalankan penilaian risiko syariah di alam semesta audit iaitu semua pusat audit dan juga pelanggan.
- Membangunkan profil risiko syariah dan program audit syariah.
- Tentukan bilangan tugas audit yang akan dijalankan sepanjang 12 bulan akan datang (berdasarkan kepada faktor-faktor risiko dan sumber audit sedia ada).
- Menjadualkan Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (AEC) dan JKS untuk kelulusan dan diterima pakai.

Rajah 4.4 memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perjalanan penilaian tahunan risiko syariah di UAS BIMB seperti mana berikut:

Rajah 4.4: Penilaian Tahunan Risiko Syariah UAS BIMB



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

<sup>73</sup> *Audit universe* bermaksud mewakili pelbagai potensi dalam semua aktiviti audit yang terdiri daripada beberapa entiti yang boleh diaudit. Entiti ini biasanya merangkumi pelbagai program, aktiviti, fungsi, struktur dan inisiatif yang secara kolektifnya menyumbang kepada pencapaian objektif strategik jabatan.

Antara perkara-perkara yang diambil kira di dalam bidang risiko syariah di UAS BIMB adalah seperti mana berikut:

- a. Pelaksanaan *'aqad*
  - b. Struktur produk
  - c. Pembangunan produk
  - d. Dokumentasi produk
  - e. Rawatan perakaunan (seperti pendapatan / *ta'widh / ibra'*)
  - f. Pemasaran, cagaran dan pengiklanan
  - g. Zakat (dari sudut pengiraan / pembayaran / pembahagian)
  - h. Manual / Prosedur (Keperluan syariah)
  - i. Kod Berpakaian
- ii. Perancangan Tugas Audit
- Dilakukan sebelum pelaksanaan audit kerja lapangan dan tugas individu.
  - Menilai semula risiko syariah di sebuah pusat audit yang telah diaudit.
  - Menentukan bidang risiko yang perlu diberi keutamaan; Jenis sumber dan kepakaran yang diperlukan untuk menjalankan pengauditan dengan cara yang paling cekap dan berkesan; Tempoh kerja lapangan audit; Skop Audit Syariah.
  - Mendapatkan Surat Kuasa Audit daripada Ketua Juruaudit Dalaman atau Ketua Audit Dalaman.

Gambaran yang lebih jelas tentang operandi pra-audit penilaian risiko syariah di UAS BIMB seperti mana Rajah 4.5 berikut:



Rajah 4.5: Pra-Audit Penilaian Risiko Syariah UAS BIMB



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

Peringkat seterusnya ialah menggariskan butir-butir penting berkenaan strategi pengauditan. Selepas dikenalpasti, Program Audit disediakan untuk menunjukkan setiap langkah yang perlu diambil dan memberikan anggaran masa bagi setiap langkah tersebut, merupakan peringkat penyediaan Program Audit yang akan disahkan oleh Ketua Bahagian Audit Dalam.

Contoh program audit syariah ditunjukkan sebagaimana Jadual 4.2 seperti di Lampiran I.

#### 4.5.4.2 Kerja Lapangan

Pengauditan akan dijalankan berdasarkan Program Audit yang telah disediakan. Sebelum pengauditan dijalankan, *entrance conference* akan dibuat dengan pihak auditee untuk menjelaskan objektif, skop dan metodologi audit yang akan dijalankan.

Kerja lapangan lebih tertumpu kepada maklumat yang diperolehi dan komunikasi secara formal. Audit syariah akan menentukan sama ada kawalan dalaman pematuhan syariah yang dikenalpasti semasa perancangan awal beroperasi dengan betul mengikut tatacara pengurusan yang telah ditetapkan oleh BNM, SC dan Pengurusan BIMB.

Pada fasa ini, juruaudit akan melakukan kerja pengauditan sama ada dilaksanakan secara persendirian (*Stand Alone*) atau dilaksanakan bersama (*jointly*) dengan Bahagian Operasi, Bahagian Kredit, Ibu Pejabat atau Audit Subsidiari. Fasa audit ini termasuklah menjalankan beberapa prosedur audit bersesuaian untuk melengkapkan objektif audit. Audit syariah menghargai nilai masa setiap individu dan akan cuba memenuhi masa yang diperuntukkan kepada juruaudit sebaik mungkin. Bagaimana pun perhatian perlu diberi di sekeliling persekitaran konflik dengan teknik-teknik berikut:

- i. Memeriksa dokumen
- ii. Temu duga
- iii. Pemerhatian
- iv. Soal selidik
- v. Lintas semak (*Walkthrough*)
- vi. Menyemak pendataan

#### 4.5.4.3 Laporan Audit

Merupakan laporan yang disediakan oleh JAS yang menyatakan pendapat audit, membentangkan penemuan audit, dan membincangkan cadangan untuk penambahbaikan oleh Jabatan dan Bahagian yang terlibat. Laporan audit juga akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Audit dan Pemeriksaan.

Antara kriteria objektif laporan audit syariah BIMB ialah:

- i. Melaporkan ketidakpatuhan syariah atau potensi acara ketidakpatuhan syariah / aktiviti / urus niaga.
- ii. Menyerlahkan faktor penyebab yang membawa kepada ketidakpatuhan syariah.
- iii. Menilai tahap risiko dan kesan kepada Bank secara keseluruhan.

- iv. Mengesyorkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan.
- v. Cadangkan garisan masa bagi pembetulan.
- vi. Menyimpulkan keadaan sistem kawalan dalaman & proses pengurusan risiko.

#### 4.5.4.4 Audit Susulan

Audit susulan dijalankan untuk memastikan bahawa tindakan yang dikuatkuasakan mendapat hasil seperti yang dikehendaki. Audit ini mengulangi proses normal auditan, tetapi skopnya terhad berdasarkan laporan audit dan respon rasmi koresponden. Tindakan susulan dilaporkan kepada AEC yang akan menimbang kesesuaian/ kewajaran atau sebaliknya tindakan yang diambil.

Aktiviti dalam fasa audit ini dapat diperjelaskan lagi oleh melalui Rajah

4.6 berikut:

Rajah 4.6: Susulan Isu-isu Audit Syariah



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

#### 4.5.5 Skop dan Liputan

Skop audit termasuklah keseluruhan aktiviti merangkumi daripada penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan, pematuhan kepada polisi kepada penilaian terhadap kefungisian serta keberkesanan dan kecekapan proses berdasarkan tempoh atau jangka masa tertentu. Skop yang ditetapkan UAS BIMB mencukupi untuk memenuhi objektif tugas audit. Antara lain, ia hendaklah mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:<sup>74</sup>

- i. Untuk menilai keberkesanan fungsi pengawasan syariah dan struktur laporan.
- ii. Untuk memastikan tahap pematuhan dengan prinsip-prinsip dan keperluan syariah.
- iii. Untuk menentukan, mengkaji semula dan menguji sistem kawalan dalaman aktiviti dan operasi bank.
- iv. Untuk memastikan keberkesanan proses dan mekanisme atau alat dalam mengurus risiko syariah.
- v. Memastikan prosedur aliran kerja membuat penggunaan sumber yang paling berkesan.
- vi. Untuk memastikan kecekapan dalam menangani sebarang isu yang tidak patuh syariah dalam sebarang aktiviti, operasi dan urus niaga.

Demi memantapkan fungsi dan menunjukkan pembahagian tugas, UAS telah membahagikan kepada tiga rakan liputan yang bermula dari Ibu Pejabat Bank Islam dan Cawangan, BIMB Holdings dan Anak-anak Syarikat (kecuali untuk perniagaan Takaful) dan Anak-anak syarikat Milik Penuh Bank Islam. Kesemua rakan liputan ini

---

<sup>74</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

diketahui oleh seorang JAS berdasarkan keperluan dan ruang lingkup urus niaga masing-masing.

#### 4.5.6 Senarai Laporan Yang Telah Dikeluarkan

Jadual berikut adalah senarai laporan yang telah dikeluarkan oleh UAS BIMB sejak tahun 2005 hingga tahun 2013:

Jadual 4.3: Senarai Tugasan Audit Syariah Dijalankan Sejak 2005

No.	TUGASAN AUDIT SYARIAH	Tarikh Laporan
1	Regional Office, Kuala Lumpur and Medan Mara Branch	AUG 2005
2	Automobile Financing	APR 2006
3	Shariah Governance	JAN 2007
4	Bank Islam Card, House and Fixed Asset and Personal Financing Products	OCT 2007
5	Deposit	JAN 2008
6	Ijarah and Trade Working Capital Financings Deposit	MAY 2008
7	Mudharabah and Musharakah Financings	AUG 2008
8	Istisna' Financing – House and Fixed Asset	SEP 2008
9	Dayn Financing	SEP 2008
10	Treasury Deposit Products	DEC 2008
11	Bank Guarantee	MAR 2009
12	Cash Line-i Corporate Product Development	APR 2009
13	Staff Financing Products	MAY 2009
14	Automobile Financing Products	JUN 2009
15	Letter of Credit-i (LC-i) & Shipping Guarantee-i (SG-i)	JUL 2009
16	Islamic Procurement and Contract Financing (PCF-i) Program	SEP 2009
17	An-Najah Islamic Negotiable Instruments of Deposit (NID-i)	SEP 2009
18	Al-Awfar Savings and Investment Accounts-i (Al-Awfar)	SEP 2009
19	Personal Financing-i and Business Financing-i (Tawarruq Concept)	JAN 2010
20	House and Fixed Asset (HFA) Financing Product based on Bai' Bithaman Ajil (BBA) and Istisna' Contracts (Floating Rate)	MAR 2010
21	Branches – Temerloh and Dungun	APR 2010
22	Credit Administration Department	SEP 2010
23	Branches – Klang and Bukit Damansara	OCT 2010
24	Corporate Investment Banking	OCT 2010
25	Treasury Division	OCT 2010
26	Branches - JalanTun Razak, Pasir Mas, Bintulu, Jalan Raja Laut and Subang Jaya	OCT 2010
27	Commercial Banking Division	OCT 2010
28	Consumer Banking Group	JAN 2011
29	Credit Risk Management Department	FEB 2011
30	Southern Corridor Regional Office	FEB 2011
31	Branches – Kubang Kerian and Saujana Utama	FEB 2011
32	Branches – Nilai, Bandar Baru Perda and UIA Gombak	MAR 2011
33	Centralized Financing Processing Centre	APR 2011
34	Bank Islam Credit Card Center	APR 2011
35	Automobile Financing Department	MAY 2011
36	Consumer Recovery Department	JUL 2011
37	Central Finance Department	AUG 2011
38	Credit Administration Department	NOV 2011
39	Shariah Division	NOV 2011
40	Automobile Financing Center Kuala Lumpur	JAN 2012
41	Treasury Products	JAN 2012
42	Bank Islam Labuan Offshore Branch	FEB 2012
43	Automobile Financing Center Butterworth	MAY 2012
44	Treasury Division	SEP 2012
45	Human Resources Division	OCT 2012
46	Bank Islam Trust Company (Labuan) Limited	FEB 2013

Sumber: Bank Islam Malaysia Berhad, 2013.

## **4.6 ISU-ISU UTAMA BERKAITAN AUDIT SYARIAH DI BIMB**

Pada hakikatnya, isu-isu yang dikemukakan berkenaan pelaksanaan UAS di BIMB terutama isu berkaitan dengan pengoperasian audit syariah, hanya dua isu atau persoalan yang ditimbulkan oleh pihak BIMB sendiri berkenaan pelaksanaan audit syariah. Hujah atau respon balas dari pihak UAS BIMB akan didapati bagi mengetahui pendirian pihak BIMB terhadap isu dan persoalan yang ditimbulkan mengenai amalan audit syariahnya. Isu-isu tersebut sebagaimana berikut:

### **4.6.1 Kualiti atau Kuantiti Juruaudit Syariah yang Ideal**

Saiz sesebuah institusi boleh menjadi halangan dan turut memberi kesan untuk melaksanakan sepenuhnya sistem kawalan dalaman audit syariah sesebuah entiti. Institusi yang bersaiz besar pada normalnya akan mempunyai struktur organisasi dan sistem kawalan dalaman yang lebih kompleks daripada entiti yang berskala kecil dan sederhana.

Walaupun begitu, ini tidak bermakna organisasi yang bersaiz sederhana atau kecil tidak mempunyai sistem kawalan dalaman yang efektif disebabkan keberkesanan sistem kawalan dalaman tidak bergantung kepada luasnya kawalan dalaman yang wujud. Kekuatan sistem kawalan dalaman juga tidak bergantung kepada sistem yang diwujudkan secara formal.

Mempunyai ramai JAS ada baiknya juga kerana seorang JAS sahaja walaupun berpengetahuan tinggi, namun tidak mungkin berkemampuan untuk melakukan semua aspek dalam bidang ini. Hal ini kerana terdapat pelbagai bentuk dan modus operandi mu'amalah dalam kewangan Islam. Sesuatu urusan atau operasi semakan juga menuntut bukan hanya seorang pakar fiqh dan usul fiqh bahkan mempunyai pengetahuan berkenaan pelaksanaan dan operasi organisasi secara total yang dapat menghasilkan

tugasan yang dikehendaki. Secara logiknya, kalau ramai JAS terlibat dalam satu-satu aktiviti pengauditan syariah, kemungkinan ia akan dapat disiapkan dengan lebih cepat. Kalau sedikit bilangan JAS yang bekerja, maka kerja akan jadi lambat dan seterusnya lewat untuk diselesaikan.

Kejayaan merealisasikan kerja audit syariah adalah subjektif bergantung kepada jenis kerja yang dilaksanakan. Kalau nilainya kecil, maka kejayaan dalam bentuk capaian matlamat akan lebih mudah. Maksud kecil adalah tidak memerlukan banyak sumber dan tidak melibatkan ramai JAS. Kualiti lebih utama berbanding kuantiti. Kalau ukuran kejayaan itu besar dan melibatkan ramai JAS serta memerlukan banyak pecahan kerja, maka boleh jadi kualiti kerja mencerminkan juga hasil muafakat daripada koordinasi pelbagai sumber yang digembleng bersama-sama.<sup>75</sup>

KAS yang mengetuai UAS sudah tentu seorang yang berkebolehan dalam mengurus dan menyelaras sumber aset utama iaitu JAS. Sekiranya beliau tidak mampu untuk mengurus orang bawahannya, bagaimana beliau boleh menguruskan keseluruhan kerja yang dipertanggungjawabkan kepada organisasinya.

Bekalan JAS berkepakaran dan berkemahiran adalah mustahil untuk dikumpulkan dalam tempoh masa yang singkat. Kesilapan mengumpul sumber tenaga kerja mungkin boleh menjejaskan potensi kejayaan aktiviti audit syariah. Jika peneraju aktiviti kerja dapat menyusun sumber tenaga kerja dengan teliti, barangkali kejayaan mencapai matlamat aktiviti kerja akan berjaya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

#### 4.6.2 Kepakaran Juruaudit Syariah

UAS hendaklah diisi secukupnya dengan JAS yang mempunyai kelayakan dan pengalaman berdasarkan tanggungjawab mereka dan objektif audit syariah. JAS yang menjalankan aktiviti audit syariah berkaitan dengan kontrak contohnya, perlulah

---

<sup>75</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalam, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.

mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai fiqh muamalat khususnya tentang masalah *aqad* dan cara-cara menjalankan audit berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Kepercayaan pihak Pengurusan Atasan terhadap laporan yang dikeluarkan oleh audit syariah bergantung kepada keupayaan JAS yang menjalankan pengauditan. Keupayaan atau kompetensi diperlukan di dalam dua perkara iaitu:<sup>76</sup>

- i. Ciri-ciri peribadi seperti kebolehan berbahasa secara lisan dan menulis, kebolehan analitikal yang tinggi, kebolehan interpersonal yang baik dan berupaya menunjukkan integriti dan nilai etika yang tinggi. Selain itu, sifat bermotivasi dan personaliti yang mudah didampingi juga berupaya bertugas dalam suasana tertekan.
- ii. Keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan dan ketrampilan yang diperolehi dari pendidikan, pengalaman kerja, latihan audit syariah serta pengalaman audit.

Pihak BIMB percaya bahawa untuk menjalankan audit syariah yang betul, beberapa kelayakan perlu dipatuhi oleh JAS. Berhubung dengan ini, adalah dicadangkan bahawa pemilihan JAS yang kompeten berdasarkan kepada elemen kelayakan seperti di dalam Rajah 4.7. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa proses pengauditan dijalankan dalam praktikal yang paling berkesan dan cekap.

JAS perlu menyediakan atau memohon bantuan dari Jabatan Syariah yang berkompilasi dengan keputusan MPS serta input-input lain yang boleh menjadikan sumber rujukan seperti manual syariah, senarai semak syariah, laporan audit yang lepas dan sebagainya. Hal ini termasuk juga hal ehwal pengurusan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek. Ia bagi memastikan institusi bukan sahaja Islamik dari segi produk, bahkan juga merangkumi aspek-aspek lain.

Kompetensi JAS dipertingkatkan melalui program latihan yang berterusan dan kekerapan pelaksanaan audit syariah. Menjadi tanggungjawab KAS untuk menyelaras


---

<sup>76</sup> Mohd Roslan bin Mamat (Ketua, Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalam, BIMB), dalam temubual dengan penulis, 16 Disember 2013.



dan sentiasa menyemak keperluan latihan para JAS. Profil latihan perlu disediakan dengan mengenalpasti latihan yang diperlukan oleh setiap gred JAS dan rekod latihan yang diberikan sentiasa dikemaskini.

Rajah 4.7: Kompetensi Juruaudit Syariah



Sumber: Unit Audit Syariah BIMB, K. Lumpur, 2013.

Komitmen untuk mempraktikkan audit syariah secara bebas dan berkecuali memerlukan pembangunan keperibadian seseorang yang berwibawa. Sikap untuk membantu dengan tujuan untuk memperkasakan keberkesanan sistem bukan hanya dapat dimanfaatkan oleh institusi, malahan oleh setiap warga kerja di dalam organisasi itu sendiri. Seterusnya, menatijahkan keyakinan orang ramai terhadap kesucian operasi institusi. Malah, yang lebih penting iaitu untuk mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

#### 4.7 KESIMPULAN

Dalam bab ini, penyelidik telah menilai secara menyeluruh terhadap pengurusan sistem pengawasan berdasarkan aplikasi audit syariah yang diamalkan. Selain itu juga,

kaedah pengauditan berlandaskan syariah menjadi fokus perbincangan dalam bab ini terhadap pengurusan audit syariah yang merupakan piawaian yang perlu dipatuhi. Apa yang dapat dilihat daripada sebahagian pengamalannya yang berjaya dibangunkan atau dihasilkan menerusi garis paduan yang ada.

Realiti sebenar mengenai amalan audit syariah di BIMB dapat difahami setelah penjelasan secara terperinci dan bersumber dari pihak UAS BIMB. Jika wujud sesuatu isu atau persoalan yang ditimbulkan, ia disebabkan kurang kefahaman berkenaan realiti operasi UAS BIMB dan kerasionalan setiap tindakan dalam modus operandi audit syariah yang diambil oleh pihak pengurusan BIMB. Ia mungkin juga disebabkan faktor operasi dalaman yang menjurus kepada kerahsiaan institusi yang membawa kesan dari sudut kewibawaan dan integriti. Apa yang pasti, setiap operasi yang dijalankan pengoperasiannya telah mendapat kelulusan dan kebenaran daripada JKS BIMB dan juga BNM.

Selari dengan perkembangan dan kemajuan sistem perbankan Islam dalam arus kewangan negara pada ketika ini, BIMB terus mengekalkan *survival* sebagai *pioneer* atau perintis dan telah berjaya membuka ruang kepada satu sistem pengawasan yang bercirikan syariat. Syariat ini bersandarkan kepada hukum-hakam Islam untuk bernafas serta membangun dan berkembang secara kompetitif seiring dengan ideologi dan keperluan moden pada masa kini terutamanya dalam bidang pengauditan Islam. Pengalaman dan kejayaan BIMB dalam pengauditan syariah telah memberi kesan yang besar kepada pengamal industri yang lain untuk turut sama memperkasakan sistem pengawasan pematuhan syariah.

Pengamal industri dan juga ahli akademik seharusnya menyokong dan sama-sama membantu usaha BIMB dalam mempraktikkan dan menambahbaik sistem perbankan Islam daripada hanya pandai menjatuhkan hukuman atau menyalahkan pihak BIMB dan juga antara satu sama lain. Setiap teguran sepatutnya adalah dengan niat

membina sejajar untuk sama-sama merealisasikan impian kerajaan untuk menjadikan Malaysia ke arah sebagai hub sistem kewangan Islam global.

Justeru, penyelidik ingin simpulkan bahawa sesungguhnya sistem pengauditan syariah menggambarkan nilai-nilai fiqh, kebaikan dan keutamaan serta intipatinya yang begitu unik dalam sistem pentadbiran dan pengurusan dalam institusi kewangan Islam. Manakala dari bentuk dan huraian skop yang digunakan, aplikasi ini yang menampakkan pola pemikiran yang amat meluas dalam pelbagai masalah semasa yang berlaku dalam pengurusan kewangan Islam. Dengan adanya sistem ini maka beberapa isu berkaitan pengurusan kewangan Islam dapat ditangani serta kualiti pembangunan terhadap perkhidmatan dapat dipertingkatkan dan diperkembangkan dari semasa ke semasa bagi menjaga dan menjamin kemaslahatan masyarakat dan negara.